

SOALAN PEMAHAMAN

Baca petikan drama berikut dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan.

MUZAFAR : Reaksi mak saya setelah mendapat tahu saya terlibat dalam ekspedisi ni dan reaksi mak saya sebentar tadi jelas menunjukkan yang mak saya menyimpan suatu rahsia.

AZIZI : Tapi Zafar memang anak tunggal kan?

MUZAFAR : Begitulah saya diberitahu. Tapi, setelah berkenalan dengan Zam dan mengetahui latar belakangnya, saya mula meragui saya anak tunggal.

AZIZI : Abang pun tak tahu apa nak cakap, Zafar.

MUZAFAR : Abang tahu? Ketika kayak Zam dan Shamsul terbalik, saya membantu Zam bukan kerana didorong oleh tanggungjawab petugas tempat peranginan terhadap pelancong yang datang berkunjung, atau tanggungjawab insan normal terhadap insan cacat. Saya menolong kerana digerakkan oleh suatu perasaan lain yang amat sukar untuk saya gambarkan.

AZIZI : Ya, abang sudah mula memahami dilema yang dialami oleh Zafar.

MUZAFAR : Dan ketika saya dan Zam bersalaman dan berpelukan sebelum Zam berangkat, saya diserbu oleh rasa sayu yang amat sangat hingga menyebabkan air mata saya mengalir. Apakah benar ada kaitan antara saya dengan Zam, bang?

*Dipetik
daripada Drama Tenang-tenang air di tasik,
Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3
Aras Mega (M) Sdn.Bhd.*

1. Apakah reaksi emak Muzafar setelah mengetahui anaknya terlibat dengan ekspedisi?

Reaksi emak Muzafar setelah mengetahui anaknya terlibat dengan ekspidisi
ialah

2. Nyatakan dua latar masyarakat yang terdapat dalam petikan drama ini.

Dua latar masyarakat yang terdapat dalam petikan drama ini ialah

_____.

Selain itu,

_____.

3. Pada pendapat anda, apakah cara yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk membantu orang cacat?

Pada pendapat saya, cara yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk
membantu orang cacat ialah

Selain itu,

_____.

Di samping itu,

_____.